

SEJARAH KEDATANGAN TAMADUN ISLAM DI ALAM MELAYU



Objek: - Peta Perdagangan Rempah:
Rasa dan Perdagangan di Dunia Islam,
terbitan Emanuel Bowen.
IAMM 2005.2.9

Penerangan: - Peta ini menggambarkan
kawasan perdagangan rempah yang
merangkumi keseluruhan Tanah Melayu

Perwacanaan berhubung teori ini boleh dibahagikan pada beberapa tahap agar persembahan sejarah lebih teratur dan mudah difahami. Perwacanaan tersebut terdiri daripada tahap (i) **Tahap Persinggahan**, (ii) **Tahap Pertapakan** dan (iii) **Tahap Penyebaran Islam** secara meluas.

Tahap pertama iaitu **Tahap Persinggahan** berlaku ketika zaman pra-Islam hasil daripada interaksi Alam Melayu dengan tamadun Arab dalam dunia perdagangan. Alam Melayu terkenal sebagai rantau pengeluar kapur (juga dikenali sebagai kapur barus) dan rempah ratus seperti lada, bunga cengkik, buah pala dan kemenyan. Bahan-bahan ini merupakan keperluan masyarakat Asia Tengah dan sekitar Laut Mediteranean.

Tahap kedua dikenali sebagai **Tahap Pertapakan**. Tahap ini berlaku di sekitar tahun 674M, berdasarkan tanda aras wujudnya penempatan masyarakat Arab Islam di Kepulauan Melayu khususnya di Pantai Barat Sumatera. Catatan Cina

juga menyatakan terdapat penempatan masyarakat Arab yang dikenali sebagai "Ta-Shih" di Jawa pada zaman yang sama.

Tahap ketiga dikenali sebagai **Tahap Penyebaran Islam**. Tahap ini lebih sesuai dikenali sebagai **Tahap Penyebaran Islam Secara Ber-Negara (Daulah Islamiyyah)** apabila berlakunya pertukaran teknologi di antara negara-negara Islam. Sebagai contoh, terdapat beberapa bukti yang menyatakan sistem peperangan Islam di Alam Melayu, penggunaan senapan khususnya adalah hasil daripada sumbangan Islam Turki Uthmaniyyah. Pada lewat kurun ke-13 inilah, Islam di Alam Melayu semakin kukuh dan berkembang luas.

Bermula kurun ke-13M ini juga, makin banyak gugusan kepulauan di Alam Melayu khususnya menerima Islam. Contohnya penduduk-penduduk di Perlak, Pulau Jawa, Sulawesi, Kepulauan Sulu (Maluku), Kedah Tua, Champa dan sebagainya. Sebilangan besar daripada mereka telah memeluk

Islam sehingga wujud asimilasi nilai dan jati diri antara *du'at* (pendakwah-pendakwah) dalam kalangan para pedagang dan penduduk asal Nusantara.

Pengaruh Tamadun Islam juga sangat besar dan meliputi seluruh kehidupan masyarakat terutamanya dalam aspek pemerintahan dan undang-undang Islam. Ia juga menjadi asas kepada kewujudan serta pengamalan undang-undang di kerajaan Melayu seperti undang-undang Laut Merah dan Hukum Kanun Melaka.

Apabila agama Islam mula bertapak, berlakulah pertembungan budaya dalam gaya hidup sesama masyarakat dalam Tamadun Melayu. Contohnya, pertembungan dua budaya dalam acara perkahwinan dan pelaksanaan undang-undang. Di Tanah Melayu, Undang-undang Adat Temenggong merupakan undang-undang Minangkabau yang dilaksanakan di negeri-negeri dalam Tanah Melayu kecuali Negeri Sembilan. Negeri Sembilan merupakan satu-satunya negeri yang mengamalkan Adat Perpatih

Secara keseluruhannya, Islam di Alam Melayu tidak tersebar secara drastik, sebaliknya dalam suasana aman kerana Islam membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme dalam kalangan istana dan rakyat jelata. Di Alam Melayu, perkembangan tamadun Islam dipengaruhi oleh sastera atau prosa naratif. Seni Khat beserta tulisan Jawi (hasil daripada pengaruh tulisan Arab dan Urdu) turut juga berkembang dengan meluas selepas kedatangan Islam. Konsep Islam yang bersederhana, mudah difahami, menekankan kesamarataan antara lapisan masyarakat, dan penggunaan bahasa yang dianggap serasi dengan budaya orang Melayu menjadikannya sebagai agama yang mudah dianuti dan seiring dengan adat masyarakat Melayu pada waktu itu. Islam di Alam Melayu kemudiannya menjadi agama dan budaya orang Melayu. Setiap raja dan sultan merupakan ketua agama yang mentadbir negara.

Rujukan:

- Buku Tamadun Islam dan Tamadun Asia (2015) – Pengaruh Kedatangan Islam Ke Tanah Melayu. Penulis : Ahmad Zaki Abd. Latiff, Azam Hamzah, Azhar Mad Aros.
- Galeri Alam Melayu, Aras 1, Muzium Kesenian Islam Malaysia – Kuala Lumpur.

Manuskrip Melayu (Surat Kepada Sultan Abdul Hamid)



Objek: Surat Peribadi Mekah
1866 M / 1283 H
IAMM 1998.1.3680

Penerangan: - Surat bertulisan Jawi ini menggunakan Bahasa Melayu dan beberapa frasa Bahasa Arab. Surat ini hanya menggunakan sebahagian dari kertas kerana ia dilipat kemas untuk dijadikan sampul. Nama penerima ditulis secara mengiring menggunakan dakwat emas.

Dalam manuskrip ini, Abdul Rahman menyatakan bahawa beliau telah pergi ke Mekah untuk belajar penulisan 'Gaya Istanbul'. Beliau pada waktu itu dianggap sebagai pengganti Allahyarham gurunya, Syaikh Ibrahim al-Khulusi al-Sanbawi, untuk menyambung legasi gaya penulisan tersebut. Namun, beliau dengan rendah diri menyangkal dakwaan tersebut kerana beliau hanya berusia 30 tahun dan penulisan kaligrafinya belum cukup bagus. Kaligrafi ditulis kemas dan cantik menggunakan dakwat berwarna emas dan perak sebagai penghargaan kepada baginda Sultan. Abdul Rahman turut menyatakan rancangannya untuk mempersembahkan Nazam Maulid kepada Sultan pada tahun akan datang. Surat ini bertarikh 21 Safar 1283 AH dan mengandungi cap mohor Abd al- Rahman bin Muhammad Saman Kelantan.

Nota: - Manuskrip ini mengandungi teks keagamaan, sila kendalikan dengan cermat.

pemikiran, akal budi, dan wacana masyarakat Melayu kemudiannya meningkat menjadi tradisi yang berkisar mengenai persoalan sejarah, agama, ketatanegaraan, serta perubatan, yang lebih tersusun dan kemas. Apatah lagi apabila tibanya gelombang penyebaran Islam yang dibawa oleh kumpulan pedagang dari Tanah Arab, Parsi dan India, tulisan Pallava atau Kawi kemudiannya semakin ditinggalkan, dan digantikan dengan tulisan Jawi. Naskhah-naskhah lama yang ditulis menggunakan tulisan Jawi inilah yang disebut sebagai manuskrip Melayu.

Pada awalnya, manuskrip ditulis di atas kepingan batu dengan menggunakan pahat. Terdapat juga manuskrip awal yang ditulis pada lumpur-lumpur yang telah dikeringkan. Disebabkan terdapatnya kesukaran dalam penulisan seperti kekangan mendapat kertas dan dakwat untuk menulis, masyarakat Melayu dengan akal cipta dan kepintarannya, telah menghasilkan satu alternatif lain iaitu kertas yang diperbuat daripada kulit kayu, kulit binatang, daun lontar,

kepingan buluh, dan papan. Setiap satu hamparan tersebut ditulis mengikut cara atau kaedah yang tersendiri. Disebabkan ruang tulisan yang terhad, maka isi tulisan hanyalah berkisar mengenai perkara-perkara yang penting sahaja seperti jurai keturunan dan salasilah keluarga, adat istiadat raja, serta pantang larang kehidupan.

Terdapat tiga jenis kalam yang digunapakai oleh masyarakat tradisional dalam penghasilan manuskrip iaitu kalam resam, kalam kabung, serta kalam dari bulu binatang. Kepintaran masyarakat tradisional juga terbukti apabila berupaya menghasilkan dakwat yang bersumberkan alam. Bagi menghasilkan dakwat berwarna hitam, jelaga damar akan dicampurkan dengan madu dan getah. Pokok lembayang pula digunakan bagi mendapatkan dakwat berwarna ungu, kulit buah manggis bagi mendapatkan warna coklat, kesumba bagi mendapatkan warna merah, campuran kunyit dan kapur yang diperam akan menghasilkan warna kuning, jus daripada daun tarum bagi mendapatkan warna biru, serta larutan putih kelapa bagi mendapatkan warna hijau.

Terdapat pelbagai fungsi dan sebab terhasilnya sesebuah naskhah manuskrip. Seandainya diteliti secara mendalam, sistem keilmuan dan tulisan pada awalnya tertumpu pada institusi beraja dan bangsawan sahaja, sebelum ianya tersebar kepada golongan rakyat biasa. Istana telah memainkan peranan yang penting sebagai pusat ilmu serta tempat berkumpulnya para cendekiawan yang mahir dalam bidang karang mengarang. Salah satu sebab manuskrip ditulis adalah atas perintah raja dalam sesebuah kerajaan itu sendiri. Antara isi yang selalu dikaitkan dengan naskhah istana termasuklah sejarah kehebatan sesebuah kerajaan, asal-usul keturunan raja, serta peraturan-peraturan dalam sesebuah negara. Maka, wujudlah tulisan-tulisan seperti Sejarah Melayu yang mengisahkan tentang sejarah kerajaan Melaka, Hikayat Pasai mengenai sejarah Pasai, Bustan Al- Salatin sebagai karya ketatanegaraan, serta Undang-undang Laut Melaka iaitu karya mengenai peraturan di laut. Bagi naskhah-naskhah yang berlegar dalam kelompok masyarakat biasa, manuskrip memainkan peranan sebagai sumber hiburan, dan hanya dikeluarkan pada waktu-waktu tertentu sahaja untuk dibaca.

Ketika berada di bawah dominasi Hindu Buddha, aktiviti tulisan dalam persuratan bukanlah suatu perkara yang ditradisikan. Yang ada hanyalah bukti penulisan di atas

Manuskrip Melayu merupakan salah satu hasil seni dan bukti keunggulan daya cipta masyarakat Melayu tradisional pada zaman dahulu. Manuskrip Melayu ditakrifkan sebagai karya-karya yang ditulis tangan, menggunakan tulisan jawi, serta dihasilkan dan diguna pakai dari akhir abad ke-15 hingga awal abad ke-20 (sebelum wujudnya mesin cetak di Pulau Pinang pada 1806). Sebelum wujudnya sistem tulisan, masyarakat Melayu tradisional terlebih dahulu hanya menggunakan tradisi lisan bagi mengembangkan sesebuah cerita ataupun pemikiran mereka. Namun demikian, tradisi lisan ini dilihat tidak berupaya menjadi satu warisan yang hadir dalam bentuk yang nyata, sebaliknya sekadar menjadi tradisi yang diwarisi turun temurun sahaja.

Setelah masyarakat tradisional keluar daripada kepompong primitif tersebut, perbincangan mengenai

prasasti dan batu bersurat. Ismail Hamid (1985) memperakui hal ini dengan menyatakan bahawa sebelum kedatangan Islam, perkembangan bahasa Melayu amat terbatas dalam penulisan kerana bahasa Sanskrit dan Jawa Kuno mendominasi bidang persuratan pada masa tersebut. Bahasa Melayu hanya digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam pertuturan dan tidak dikembangkan dalam bentuk penulisan bahkan tidak didapati hasil peninggalan zaman Hindu Buddha berbentuk naskhah tulisan kecuali ditemui pada batu-batu bersurat sahaja.

Rujukan:

- Galeri Muzium Kesenian Islam Malaysia: Galeri Alam Melayu, Aras 1.
- Artikel TAMADUN ISLAM DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT DI ALAM MELAYU HINGGA ABAD KE-17 M (2008). Penulis : Ali Mohamad.
- Buku Peradaban Melayu dan Islam (1985) Penerbit: Fajar Bakti. Penulis: Ismail Hamid.
- Buku *Qur'an Manuscripts (Calligraphy, Illumination, Design)* (2007) Penerbit : British Library 2007, Penulis : Colin F. Baker.

Tugasan Intelek

1. Manuskrip Melayu antara bukti kewujudan dan kedatangan Islam di Alam Melayu sejak dari awal abad ke-15. Huraikan.
2. Perkembangan Tamadun Islam di Alam Melayu yang begitu pesat terbukti daripada proses penghasilan penulisan klasik (manuskrip) sehingga moden (cetakan kertas dan elektronik) – Lakar satu garis masa yang membuktikan kemajuan Tamadun Islam dalam bidang tersebut.

Masjid Kampung Laut

Objek:- Masjid Kampung Laut, Kelantan, Malaysia
Abad ke-18M/ 12H
IAMM 1998.14356

Penerangan:- Masjid ini merupakan struktur binaan kayu yang mengambil kira keadaan geografi setempat ketika proses pembinaan.



Masjid Kampung Laut yang diilhamkan daripada Masjid Agung di Demak ini merupakan masjid kayu tertua di Tanah Melayu. Masjid ini dibina pada separuh pertama abad ke-18 yang dibina sepenuhnya menggunakan kayu. Selain itu, terdapat juga masjid lain yang menyerupai seni binanya seperti Masjid Tengker di Melaka.

Menurut sumber sejarah, para mubaligh sering berlayar ke seluruh kepulauan Melayu untuk menyebarkan agama Islam. Pada tahun 1730-an, sekumpulan mubaligh yang di dalam perjalanan ke Pattani dan Jawa melalui pantai timur telah mengalami kesulitan ketika dalam pelayaran. Pada waktu itu juga, para mubaligh dalam perahu itu bernazar bahawa jika mereka dibawa ke pantai dengan selamat, mereka akan membina sebuah masjid dengan serta-merta untuk memperingati peristiwa itu. Doa mereka dikabulkan, dan para mubaligh selamat berlabuh di Kampung Laut, Tumpat.

Masjid ini pada asalnya bukan seperti apa yang dilihat pada hari ini. Binaan asasnya terdiri daripada empat tiang untuk menampung tiga lapis bumbung yang diperbuat

daripada daun rumbia. Keluasannya hanya 400 kaki persegi. Pada akhir abad ke-19, masjid ini menjadi satu pusat agama yang penting dan diperbesarkan bagi merangkumi bilik sembahyang tambahan, peran, serambi dan menara. 20 batang tiang kemudiannya dibina untuk menyangga binaan tambahan ini. Binaan tambahan ini menggunakan teknik 'Tebuk Pasak' yang amat unik. Ia dibina daripada kayu dan mempunyai seni ukiran yang menarik tetapi tidak menggunakan walau sebatang paku sekalipun. Atap daun rumbianya kemudiannya digantikan dengan atap genting.

Walau bagaimanapun setelah beberapa lama, binaan asas masjid menjadi semakin lemah dan lokasinya yang terletak di tebing sungai menyebabkan masjid ini mengalami kerosakan akibat dilanda banjir kilat pada tahun 1926 yang dikenali "Bah Air Merah". Setelah dua kali mengalami kerosakan teruk yang menghanyutkan sebahagian masjid, masjid ini dipindahkan ke tempat yang lebih selamat iaitu di Nilam Puri.

Pada tahun 1988, masjid ini diperbaiki lagi dengan kemudahan-kemudahan moden seperti elektrik, air paip, tandas dan kawasan duduk. Tiang-tiang dan dinding-dinding masjid juga dihias dengan ukiran kayu. Dengan penambahbaikan ini, kawasan binaan menjadi 5,254 kaki persegi (74 kaki x 71 kaki) iaitu 13 kali lebih besar daripada masjid asal.


Rujukan:

- Buku Masjid – *Selected Mosques and Musollas in Malaysia* (2016) Penerbit: ATSA Architects Sdn. Bhd. Penulis: Azim A. Aziz, Mohamad Haziq Zulkifli, Constance Westwood.
- Buku Spesis-spesis Kayu dalam Seni Ukiran Melayu (2001) Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia. Penulis: Ismail Said, Ahmad Saifuddin Abdullah.
- Buku Amalan Tebus Guna Tanah, Reka Bentuk Bandar dan Seni Bina Malaysia (2017) Penerbit: Universiti Sains Malaysia. Penulis: Ahmad Sanusi Hasan.
- Galeri Muzium Kesenian Islam Malaysia: Galeri Alam Melayu, Aras 1.
- Buku *The Encyclopedia of Malaysia (Architecture)* (1998) Penerbit: Archipelago Press. Penulis: Chen Voon Fee
- Buku Masjid Tua Kampung Laut (2003) Penerbit: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Penulis: Salleh Mohd. Akid

Tugasan Intelek:

1. Seni bina Alam Melayu banyak dipengaruhi oleh beberapa aspek. Bincangkan.
2. Masjid Kampung Laut dibina berdasarkan bentuk geografi dan tradisi masyarakat setempat. Bina sebuah lakaran model masjid mengikut keadaan tradisi dan senibina masyarakat ditempat anda.

Batik Berayat



Objek:- Batik Penutup Keranda Berayat
IAMM 1998.1.4199

Penerangan:- Batik penutup keranda berayat merupakan kain batik yang digunakan untuk menutup keranda di Semenanjung Tanah Melayu sekitar abad ke-20 M / 14 H.

Nota:- Batik berayat ini mengandungi kalimah suci.
Sila kendalikan dengan baik

kain membungkus mumia. Kain membungkus ini telah dilapisi dengan lilin untuk membentuk corak- corak. Di India, teknik menggunakan lilin ini sinonim dalam penghasilan 'Batik Palikat'. Di China pula kain batik merupakan bahan asas yang sering digunakan untuk penghasilan pakaian tradisional etnik Miao di wilayah Guizhou. Berbeza dengan India dan China, di Jepun kain- kain daripada Nusantara telah berjaya menarik minat penduduk di Okinawa yang terletak di kepulauan Ryukyu dan penduduk menghasilkan motif-motif kain yang berunsurkan batik setelah mengalami kemasukan barangan kraftangan dari Asia Tenggara pada abad ke-14. Penghasilan ini turut juga dikenali sebagai Batik Bingata yang mempunyai corak- corak floral yang berunsurkan batik tetapi menggunakan warna yang lebih terang.

Di Alam Melayu, batik dipercayai sudah wujud sejak dari zaman Majapahit dan menjadi sangat terkenal pada akhir abad ke-18 sehingga awal abad ke-19. Pada awalnya, semua batik yang dihasilkan adalah batik bertulis sebelum batik cap diperkenalkan sekitar tahun 1920 setelah perang dunia pertama. Kemunculan awal batik di Alam Melayu dikukuhkan lagi dengan catatan dalam *Sulalatus Salatin*, sebuah naskah kesusasteraan Melayu dari abad ke -17.

Catatan tersebut mengisahkan Laksamana Hang Nadim yang diperintahkan oleh Sultan Mahmud untuk berlayar ke India. Pelayaran ini bertujuan untuk mendapatkan 140 keping lembaran yang mempunyai 40 jenis corak bunga pada setiap helaian. Malangnya, Laksamana Hang Nadim tidak dapat memenuhi kehendak Sultan, lalu beliau membuat kain itu sendiri. Kapal itu tenggelam dalam perjalanan pulang dan hanya mampu membawa empat keping lembaran kain sahaja, menyebabkan kekecewaan Sultan.

Batik yang berasal dari Jawa muncul sebagai satu istilah yang sangat menonjol dan luas penggunaannya. Batik juga merujuk kepada teknik penghasilan corak pada kain dengan menggunakan beberapa jenis bahan yang asas dan unik seperti lilin, kanji dan lumpur. Kain batik berayat ini merupakan sejenis kain kapas yang menggunakan teknik canting. Kain batik jenis ini sering kali dicanting dengan motif kaligrafi ayat-ayat Al-Quran dan diguna pakai sebagai pinding. Kain ini akan dipakai oleh pahlawan Melayu sebagai pengikat pinggang dan menjadi penutup jenazah apabila pahlawan tersebut meninggal dunia.

Seni mencanting menggunakan lilin merupakan salah satu daripada seni kuno. Hal ini dapat dilihat dengan penemuan di Mesir yang membuktikan bahawa teknik ini telah wujud sejak dari abad ke-4 SM lagi, dengan penemuan

Terdapat banyak contoh dari Asia Tenggara yang memperlihatkan *basmallah* pada rekaan batik mereka. Antaranya adalah sarung-sarung kapas dari Borneo dan panel batik sutera dari Kepulauan Melayu. Antara yang menampilkan ayat-ayat Al-Quran pula sering digunakan di Sumatera Utara dan kebanyakannya digunakan sebagai tikar sembahyang, penutup keranda dan juga penutup Al-Quran.

Rujukan:

- Buku *Al-Kalima* (2003) Penerbit: Islamic Arts Museum Malaysia. Penulis : Dr Heba Nayel Barkat.
- *Network Batik : Sejarah dan Keistimewaan Tekniknya* (1990), Universiti Kebangsaan Malaysia, <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/3551>
- Buku *Ann Dunham's Legacy* (A Collection of Indonesian Batik (2012) Penerbit : *Islamic Arts Museum Malaysia*. Penulis: Dr Heba Nayel Barakat, Adline Abdul Ghani, Ros Mahwati Ahmad Zakaria
- *Galeri Muzium Warisan Melayu*, Universiti Putra Malaysia, muziumwarisanmelayu.upm.edu.my.

Tugasan Intellek :

1. Batik merupakan salah satu daripada seni yang dihasilkan pada tekstil. Bincangkan jenis motif yang sering dihasilkan.
2. Hasilkan sehelai lembaran tekstil bersaiz kecil yang bercorakkan motif batik.